

Nota Penyelidikan/Research Note

***Cerita Hang Li Po: Ode Persahabatan Kedua-dua Bangsa
China-Malaysia***

KONG YUANZHI

CERITA HANG LI PO DI MALAYSIA

Dalam tempoh undangan saya sebagai profesor pelawat di Universiti Malaya dari Mei 1999 hingga Mei 2000, ramai teman dan mahasiswa Malaysia mengajukan pertanyaan yang berikut: Dari mana berasalnya cerita Hang Li Po? Apakah kaitan Hang Li Po dengan Zheng He (Cheng Ho)? Adakah cerita itu tercatat dalam buku sejarah Cina? Apakah latar belakang historis cerita Hang Li Po? Apakah pula sebabnya cerita Hang Li Po sangat disenangi rakyat negara China dan Malaysia? Soal-soal tersebut sangatlah menarik. Saya akan cuba menghurainya dalam nota penyelidikan ini.

HANG LI PO DALAM SEJARAH MELAYU

Cerita puteri China Hang Li Po berasal dari *Sejarah Melayu*, karya Tun Seri Lanang daripada abad ke-17. Beliau menulis antara lain:

Hatta maka musim akan pulang pun datanglah. Telah berapa hari antaranya, maka Tun Perpatih Putih (utusan Melaka—pengutip) pun bermohonlah hendak kembali. Maka Raja China pun fikir di dalam hatinya, “Baik Raja Melaka aku ambil akan menantuku, supaya ia berkirim sembah kepadaku”.

Maka titah Raja China pada Tun Perpatih Putih: “Suruhlah anakku Raja Melaka menghadap aku kemari, supaya aku dudukkan dengan anakku puteri Hang Li Po”.

Maka sembah Tun Perpatih Putih: “Tuanku, akan paduka Ananda Raja Melaka, tiada dapat meninggalkan negeri Melaka, kerana negeri Melaka permusuhan; jikalau Tuanku hendak menganugerahkan paduka Ananda itu, marilah patik bawa. Insya Allah taala selamat sampai ke Melaka”.

Maka Raja China pun memberi titah pada Li Po, menyuruh berlengkap akan menghantarkan Ananda baginda ke Melaka, seratus buah pilu, seorang menteri yang besar akan panglimanya, Di Po namanya. Setelah sudah lengkap, maka dipilih oleh Raja China anak para menteri yang baik-baik parasnya, lima ratus banyaknya diberikan baginda akan dayang-dayang Ananda baginda. Telah itu maka Tuan Puteri Hang Li Po dan surat itupun diarak orang ke perahu; maka Tun Perpatih Putih dengan Di Po belayarlal ke Melaka membawa tuan puteri anak Raja China itu.

Ada berapa hari lamanya di jalan maka sampailah ke Melaka; maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Mansor Syah mengatakan Tun Perpatih Putih datang membawa puteri China. Maka baginda pun terlalu sukacita menengarnya. Maka baginda berangkat sendiri mengalu-alukan had Pulau Sebat. Setelah bertemu, maka dengan seribu kebesaran dan kemuliaan dibawa baginda masuk, lalu ke dalam istana. Maka Sultan Mansor Syah pun hairanlah melihat paras tuan puteri anak Raja China itu. Maka disambut baginda puteri Hang Li Po itu, disuruh masukkan Islam. Telah sudah Islam, maka Sultan Mansor Syah pun kahwin dengan puteri Hang Li Po itu, beranak seorang anak laki-laki, dinamai baginda Paduka Mimat; ia beranakkan Paduka Seri China, ayah Paduka Ahmad, ayah Paduka Isap. Maka segala anak menteri China yang lima ratus disuruh baginda Islamkan, disuruh diam di Bukit China (i.e. Bukit Cina—pengutip). Maka sampai sekarang bukit itu disebut orang Bukit China. Ialah yang menggali perigi di Bukit China itu, dan anak cucu orang itulah dinamai biduanda China. Maka Sultan Mansor Syah pun memberi persalin akan Di Po dan segala menteri China yang membawa anak Raja China itu. (*Sejarah Melayu* 1982:80)

Yang menarik ialah ramai orang menganggap kisah tersebut sebagai fakta sejarah. Sebuah akhbar Malaysia, *Guang Hua Daily* (29 Julai 1984), misalnya, telah menulis, antara lain, dalam lidah pengarangnya di bawah tajuk *Menghargai Tempat Peninggalan Sejarah* bahawa Bukit Sam Po (Bukit China) adalah tempat tinggal puteri Hang Li Po dan pengiringnya selepas puteri China itu diambil sebagai isteri oleh Sultan Mansur Shah, bersempena lawatan Zheng He ke Melaka.

Selain itu, *Nanyang Siang Pau* (30 Oktober 1984) membuat catatan bahawa ketika berkahwin dengan Hang Li Po, puteri Raja China pada pertengahan abad ke-15, Sultan Melaka menghadiahkan Bukit Sam Po kepada isterinya itu. Walaupun ada orang meragui Hang Li Po itu puteri Raja China, tetapi yang pasti dia adalah gadis dari negara China dihantar ke Melaka atas titah Raja China untuk dikahwinkan kepada Sultan Melaka. Sehubungan itu, Bukit Sam Po dihadiahkan Sultan kepadanya sebagai mas kahwin.

PERTUNJUKAN CERITA HANG LI PO

Sejak tahun 1960-an, sekurang-kurangnya ada lima pertunjukan yang bertemakan Hang Li Po telah diadakan di Malaysia. Pada awal tahun 1960, pertunjukan *Drama Tarian Hang Li Po* sudah diadakan di Melaka. Setahun kemudian, iaitu pada tahun 1971, Chen Luohan, musikus Malaysia keturunan Cina telah mengubah *Opera Hang Li Po* yang dipertunjukkan di Kuala Lumpur. Sehubungan itu, sebuah drama tarian Hang Li Po telah dipersembahkan oleh Malaysia Institute of Art secara berasingan di Kuala Lumpur, Klang, Kajang, Ipoh, Johor Baharu, Kuala Terengganu, Melaka dan tempat-tempat lain dari tahun 1991 hingga tahun 1992. Atas permintaan hebat, opera itu dipertunjukkan kembali di Kuala Lumpur oleh Pertubuhan Kebudayaan China Malaysia pada tahun 1993.

Berselang beberapa tahun kemudian, iaitu pada tahun 1999, sebuah lagi drama, *Puteri Cantikku Sayang Li Po* (singkatnya *Puteri Hang Li Po*), telah dipentaskan di Universiti Malaya.

Drama *Tarian Hang Li Po* (1991-1992) terdiri daripada empat babak. Dalam babak I diceritakan sebuah kapal daripada Empayar Dinasti Ming belayar mengharungi Lautan China Selatan menuju ke Melaka. Atas kapal itu, duduk Puteri Hang Li Po. Dia kelihatan risau tentang nasib dan masa depannya, memikirkan misi berat di atas bahunya. Di sebelahnya, ada dua orang dayang yang mengiringinya, Shuang Ling dan Wei Po, cuba sedaya upaya menenangkan hati tuan puteri mereka. Babak II mengisahkan ketibaan Puteri Hang Li Po telah menyerikan suasana gembira di majlis hari keputeraan Sultan. Sultan amat gembira, lantas menganugerahkan kerisnya kepada Puteri Hang Li Po. Kejelitaan Puteri dan gayanya yang mempesonakan itu telah menimbulkan niat jahat di dalam hati Putera Samura yang datang tanpa dijemput. Dalam babak III ditunjukkan Sultan dan Puteri menari berdua-duaan dan bercumbuan penuh cinta asmara. Shuang Ling dan Wai Bo yang telah mengenali rakan-rakan Melayu di taman istana itu beransur-ansur menyesuaikan diri dengan kehidupan Melaka, lebih-lebih lagi memahami adat resamnya. Dalam babak IV ditunjukkan Putera Samura yang telah lama mengidamkan kekayaan Melaka itu sudah didesak nafsunya untuk merebut Puteri Hang Li Po, maka menyerang Melaka dengan bala tenteranya. Setelah masuk ke istana, dia cuba melarikan Puteri dengan kekerasan. Pada ketika itulah juga Sultan tiba dan mereka berlawan. Dalam perlawanan itu Putera Samura jatuh akibat ditikam Sultan. Sultan fikir musuhnya itu sudah terkorban. Tetapi, dia terbangun dan hendak menikam Sultan. Dalam saat genting itulah Puteri Hang Li Po menyelamatkan Sultan dengan menghadang dadanya sehingga tertikam oleh Putera Samura. Akhirnya, Putera Samura dibunuh oleh Sultan. Walau bagaimanapun, Puteri Hang Li Po sudah terkorban demi menyelamatkan Sultan yang dicintainya.

Kisah tentang Hang Li Po bukan sahaja dinikmati seniman keturunan Cina, malahan seniman Melayu. Rahmah Bujang, penulis wanita Melayu, telah menghasilkan drama *Puteri Cantikku Sayang Li Po* pada tahun 1994. Ia terdiri daripada tiga babak. Karya ini telah diulas Ruzy Suliza Hashim, pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, dalam kertas kerjanya *Gender on the Agenda: the Story of Hang Li Po Revisited* bersempena Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Bandingan di Kuala Lumpur pada 24-27 Ogos 1999. Selain itu, telah dipentaskan drama *Puteri Li Po* di Universiti Malaya sebanyak sembilan kali, daripada 27 November hingga 1 Disember 1999, dengan Rahmah Bujang sebagai penulis skrip dan juga pengarahnya. Drama itu terdiri daripada tiga episod. Dalam episod I (*Taman Istana Li Po*): Li Po sedih kerana terpaksa meninggalkan ayahandanya, raja China, untuk dikahwinkan dengan Raja Melaka. Dalam episod II (*Balai Penghadapan*): ditunjukkan penganugerahan gelaran 'Hang' kepada Li Po. Li Po juga meradang kerana Sultan Mansur Shah enggan mengirimi salam kepada ayahandanya Maharaja China. Hati Li Po terguris kerana

buat pertama kali berhadapan dengan isteri-isteri Sultan yang lain. Dalam episod III (*Bilik Peraduan di Istana Li Po*) ditunjukkan Li Po membayangkan kasih sayangnya kepada Hang Jebat, tetapi ditolak. Penolakan itu membuat Li Po merasa malu. Selepas itu, Dang Wangi cuba menenangkan hati Li Po dengan mengatakan hati Hang Jebat telah diisinya. Li Po meradang kerana tidak dimaklumkan perkara itu. Namun, berita itulah juga yang menjadi jalan keluar baginya.

Pertunjukan drama tentang Puteri Hang Li Po telah mendapat sambutan meriah daripada penonton berbilang kaum di Malaysia. Reaksi daripada Pusat Kebudayaan Universiti Malaya adalah seperti yang tergambar dalam petikan ini:

Persembahan drama ini adalah hasil usaha gabungan seluruh warga kampus: daripada staf dan pelajar hingga pihak perguruan tertinggi universiti... Drama itu mengisahkan bagaimana seorang wanita muda menjadi matang dalam melayari bahtera hidupnya, terutamanya menangani dilema kerana perkahwinannya dengan Sultan Mansor Shah. Dalam konteks zaman kesultanan Melayu Melaka abad ke-15, cara Puteri Li Po menghadapi perubahan hidupnya dari istana Cina kepada dunia Melayu itu cukup menarik.

CATATAN PUTERI HANG LI PO DALAM SEJARAH NEGARA CINA

Dalam buku sejarah China memang terdapat banyak catatan tentang perkahwinan antara puteri raja-raja China dengan raja negara asing. Antaranya ialah Puteri Wang Zhaojun, daripada Dinasti Han, telah berkahwin dengan Raja Xiong Nu (salah satu kaum di China) pada abad ke-1 tahun sebelum Masehi. Demikian juga dengan catatan tentang puteri Wen Chen dan puteri Jin Cheng Dinasti Tang. Mereka masing-masing berkahwin dengan Raja Tu Fan di Tibet pada abad ke-7 dan 8 (Que Xunwu 1984 : 36, 80). Catatan perkahwinan antara puteri raja China dengan raja negara asing adalah peristiwa penting dalam buku sejarah China. Sekiranya benar, adalah mustahil perkahwinan antara puteri Hang Li Po dari negeri China dengan Sultan Mansur Shah di Melaka tidak ada catatannya dalam rekod di istana negeri China. Di sini ingin dinyatakan bahawa dalam *Sejarah Dinasti Ming* dan buku-buku sejarah China lainnya bukan sahaja ada catatan tentang semua peristiwa yang penting yang ada kaitan dengan hubungan China-Melaka pada abad ke-15, malahan catatan itu dibuat dengan sangat terperinci. Tetapi, sehingga kini tidak dijumpai apa-apa catatan sebagai bukti cerita puteri Hang Li Po itu benar-benar terjadi dalam sejarah. Namun, banyak pihak menyebut adanya kaitan antara Laksamana Zheng He dengan Hang Li Po. *The Star* (25 November 1995) misalnya, telah menyiarkan cerita tentang Laksamana Zheng He menghantar Puteri Hang Li Po ke Melaka. Selanjutnya, *Keterangan Opera Hang Li Po* (1971) membawa catatan yang berbunyi: "Mungkin berkat usaha Zheng He, akhirnya perkahwinan antara Sultan Mansur Shah dengan Hang Li Po telah terlaksana". Sehubungan itu, *Guang Hua*, sebuah majalah bulanan yang diterbitkan di Taiwan menulis: "Zheng He menghantar Puteri Hang Li Po ke

Melaka untuk berkahwin dengan sultan di Melaka. Selepas itu, Hang Li Po dihadiahkan Bukit Sam Po (Bukit Cina) sebagai tempat tinggalnya dan juga 500 dayangnya” (Februari 1992). Dalam perasmian *Pameran Peringatan Zheng He* di Kuala Lumpur pada 17 Ogos 1997, seorang pemimpin masyarakat Cina masih beranggapan Zheng He pernah menghantar Puteri Hang Li Po ke Melaka pada abad yang ke-5 dahulu.

Sarjana Barat, Levathes (1996:183), antara lain, pernah menulis: “There is a story every schoolchild in Malacca learns. It is a tale about a beautiful Chinese princess named Hang Libo [Hang Li Po], whom Zheng He was supposed to have escorted to Malacca to become the bride of Sultan Mansur Shah”. Dalam *Sejarah Melayu*, terdapat catatan jelas bahawa yang menghantar Hang Li Po ke Melaka adalah menteri China, Di Po. Mengapa Di Po, dan bukan Laksamana Zheng He yang disebut oleh setengah orang sebagai pengawal China yang menghantar Hang Li Po ke Melaka? Ini tidak menghairankan memandangkan pada pelayarannya kali yang ke-7 ke Melaka dalam perjalanannya ke Samudera, mereka mengasosiasikan fakta sejarah tersebut dengan cerita Puteri Hang Li Po sehingga timbul cerita bahawa Zheng He yang menghantar Puteri Hang Li Po ke Melaka untuk dijadikan isteri kepada sultan empayar itu.

Daripada apa yang dinyatakan itu, ternyata hanyalah andaian, malahan legenda mengenai catatan Laksamana Zheng He menghantar Puteri Hang Li Po ke Melaka. Ma Huan, Fei Xin dan Gong Zhen, tiga tokoh sejarah yang ikut dalam pelayaran-pelayaran Zheng He itu tidak pernah sebut nama Hang Li Po dalam buku mereka. Menurut sejarah, Zheng He telah meninggal dunia pada tahun 1433 (walaupun ada orang menyebut tarikh itu sebagai tahun 1434 atau 1435), sedangkan Sultan Mansur Shah bertakhta dalam tempoh 1456-1477. Kalau Zheng He telah meninggal lebih dari 20 tahun sebelum Sultan Mansur Shah naik takhta, tidaklah mungkin ia menghantar Puteri Hang Li Po ke Melaka untuk diambil sebagai isteri oleh Sultan Mansur Shah!

MAKSUD PENULIS *SEJARAH MELAYU* DAN LATAR BELAKANG CERITA HANG LIPO

Sejarah Melayu adalah sebuah buku sastera Melayu klasik. Ia berbeza dengan buku sejarah. Sebagai perdana menteri Empayar Johor pada abad ke-17, Tun Seri Lanang, penulis karya tersebut, telah mengumpul banyak peristiwa sepanjang perjalanan sejarah Melayu, khususnya peristiwa yang berlaku di istana dewasa itu. Penulisanannya bukan sahaja sangat penting, tetapi juga sangat menarik. Namun, sebahagian penulisanannya berdasarkan legenda atau fiksi. Antaranya cerita mengenai Puteri Hang Li Po. Akan tetapi, bukanlah mustahil ada puteri China yang bernama Hang Li Po diambil sebagai isteri oleh Sultan Mansur Shah. Ada juga kemungkinan Hang Li Po adalah anak perempuan seorang keturunan China di Melaka, yang berkahwin dengan wanita pribumi tempatan. Sebelum akhir

abad ke-19, orang China yang merantau ke Asia Tenggara umumnya adalah bujang. Sementara itu, wanita daripada negeri China hanya mengikut suami mereka merantau ke Nusantara dan negara lain pada akhir abad ke-19.

Dalam sastera Melayu klasik, puteri China terkenal dengan kulit mereka kuning langsung dan paras yang cantik. Tidaklah hairan kiranya pada masa silam kiranya bangsawan, bahkan sultan di dunia Melayu telah mengambil puteri China sebagai isteri. Menurut Purcell (1967: 20) ada seorang jeneral Portugis ketika menduduki Melaka pada tahun 1511 telah meninggalkan catatan: “Megat Iskandar Shah (yang bertakhta antara 1414 hingga 1424), iaitu Sultan Melaka ke-2, pernah memperisteri puteri dari seorang kapten China di Melaka. Memang dapat dipastikan kapten tersebut telah lama menetap di Melaka sehingga berkahwin dengan wanita pribumi”. Sementara itu, maksud yang tersirat dalam *Sejarah Melayu* yang menyebut Hang Li Po sebagai puteri China (i.e. puteri Raja China) ialah untuk menyatakan bukan sahaja sudah ada kerjasama yang erat di bidang politik dan ekonomi, tetapi juga sudah terjalin hubungan darah antara keluarga raja China dan Melayu di Melaka. Selain itu, dapat juga dimengerti sebab Melaka, sebuah empayar yang relatif kecil ingin menjalin hubungan perkahwinan dengan Raja China di Empayar Ming yang berkewibawaan tinggi di Asia Tenggara, Asia Selatan malahan di Afrika Timur pada abad ke-15. Antara maksud yang tersirat ialah persekutuan dengan China besar maknanya untuk menjauhi ancaman pencerobohan daripada Siam ke atas Melaka.

Pada tahun 1407, kerajaan Melaka pernah menghantar utusan ke negeri China mengadu Siam telah menghantar tentera ke Melaka. Tentera Siam telah merebut cap kempunya, lantas membuat rakyat di Melaka panik dan susah. Untuk membantu Melaka bebas dari ancaman Siam yang kuat itu daripada berulang, raja China Dinasti Ming telah menyuruh raja Siam kembalikan cap kempa kepada Melaka di satu pihak, dan menghantar laksamana Zheng He ke Siam untuk menjadi orang tengah menyelesaikan persengketaan antara Siam dengan Melaka pada tahun 1408. Hasilnya, pada tahun itu juga raja Siam telah menghantar utusannya ke China mengaku telah bersalah, selain mengucapkan terima kasih kepada China atas usahanya menjadi orang tengah menyelesaikan persengketaan Siam – Melaka. Perkembangan sejarah itulah yang menjadi latar belakang kunjungan laksamana Zheng He ke Melaka. Sepanjang tempoh pelayarannya sebanyak tiga kali yang berlangsung antara tahun 1409 hingga 1411, selama itulah raja China menegaskan kedaulatan kerajaan Melayu di Melaka tidak boleh diganggu, tidak kira negara mana pun.

Dari tahun 1411 hingga 1433, tiga orang raja Melaka telah berturut-turut berkunjung ke China sebanyak lima kali. Setiap kunjungan dari raja Melaka diberi sambutan meriah di pihak raja Ming. Persediaan di pihak raja Melaka juga hebat. Pada tahun 1411, Parameswara, sultan Melaka yang pertama, telah mengadakan lawatan muhibah ke China dengan diiringi rombongan sebanyak 540 orang. Wajar disebut bahawa kunjungan dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain dengan membawa rombongan yang begitu besar memang jarang berlaku di

zaman moden kini walaupun mempunyai sistem pengangkutan yang berteknologi tinggi dan serba canggih. Yang dikagumi ialah peristiwa sejarah itu telah berlaku 500 tahun yang lalu. Daripada peristiwa itu dapat dibayangkan betapa intim dan rapatnya hubungan antara China dengan Melaka pada abad ke-15.

Apa yang disebut itu adalah latar belakang munculnya cerita *Puteri Hang Li Po* yang ingin diperkatakan selanjutnya.

AMANAT YANG POSITIF *CERITA HANG LI PO*

Cerita Hang Li Po mempunyai sekurang-kurangnya amanat yang positif dan yang amat penting. Pertama, ia merakamkan bukan sahaja panjangnya sejarah tali persahabatan antara bangsa Melayu dengan bangsa China, tetapi juga betapa eratnya hubungan antara dua buah negara yang berdaulat dan dua bangsa yang besar. Matlamat kerajaan Melaka untuk membela kemerdekaannya mendapat sokongan sepenuhnya dari Dinasti Ming. Tanpa hubungan baik China – Melaka sebagaimana diuraikan di atas, tidaklah masuk akal, lebih-lebih lagi menyakinkan kiranya raja Ming dapat mengkahwinkan puterinya dengan Sultan Melaka di satu pihak dan Sultan Melaka girang untuk memperisterikan puteri China di satu pihak yang lain. Di sini wajar dirakamkan penghargaan yang tinggi ke atas usaha dan maksud penulis *Cerita Hang Li Po* dalam mempereratkan tali persahabatan Melaka – China dengan menjalinkan hubungan darah antara dua buah keluarga di raja di dua buah negara. Kedua, *Cerita Hang Li Po* telah memperlihatkan fakta bahawa perkahwinan campur antara kaum Melayu dengan kaum China sudah berlaku lima abad yang lalu. Begitulah yang ditulis lidah pengarang *The China Times* bahawa cerita perkahwinan antara Sultan Mansur Shah dengan puteri China Hang Li Po telah menunjukkan adanya hubungan persaudaraan antara kaum Melayu dengan kaum China sejak masa silam.

Sehubungan itu, amatlah tepat *Pra-kata Untuk Drama Tarian Hang Li Po* dalam isu keluaran khasnya (1991-1992) di Kuala Lumpur. Ia berbunyi:

Mengikut cerita Sejarah Melayu, Sultan Melaka pernah menghantar surat kepada Kerajaan Ming untuk melaporkan kematian Puteri Hang Li Po. Diceritakan juga seorang anak Puteri Hang Li Po telah dilantik menjadi Penghulu di Jeram, yang kini terletak di sempadan negeri Selangor. Maka terbuktilah bahawa gadis Cina yang bernama Hang Li Po ini, sama ada beliau seorang puteri atau tidak, telah berkahwin dengan Sultan Melaka dan melahirkan keturunannya. Perkara ini memberi inspirasi kepada kami dari segi rekaan rangka asas drama tarian, iaitu: kaum Melayu dan kaum Cina telah menjalin hubungan persaudaraan lebih 500 tahun yang lalu.

Dari sini terjelma tema drama tarian ini iaitu: menjunjung semangat percintaan yang kukuh, tali persaudaraan yang erat dan semangat perpaduan yang kukuh demi mempertahankan tanah air. Kami juga harap drama tarian ini dapat mendidik kita serta keturunan kita supaya mengenal pasti bahawa walaupun rakyat negara kita berasal dari berbagai tempat, mempunyai sejarah dan latar belakang kebudayaan yang berbeza-beza, namun kita akan semakin lama semakin kuat bersatupadu untuk menghadapi cabaran dan

berkongsi nasib bersama. Kita dari berbagai kaum pernah berganding bahu menentang penjajah Jepun, mempertahankan negara, bersatupadu memperjuangkan kemerdekaan negara, apatah lagi bersama-sama memikul tanggungjawab dalam usaha membangunkan negara. Walaupun kita tidak mempunyai satu sejarah yang sama, namun kini kita adalah anak satu negara yang sama. Oleh itu, kita harus bersatu hati untuk menghapuskan segala halangan yang timbul daripada kita sebagai manusia demi menubuhkan masa hadapan yang cerah di atas tanah air bersama.

KESIMPULAN

Walaupun tidak tercatat perkahwinan antara Puteri Hang Li Po dengan Sultan Melaka dalam buku sejarah China, apalagi Zheng He menghantar Hang Li Po ke Melaka, *Cerita Hang Li Po* yang indah dan menarik itu telah dan akan terus memperkuat persahabatan antara dua buah negara: China dan Malaysia, dan sekaligus akan mempertingkatkan tali persaudaraan antara kaum Melayu dan China di Malaysia. Mungkin inilah tarikan mengapa *Cerita Hang Li Po* bukan sahaja tersebar dengan luas, tetapi juga sangat disenangi rakyat Malaysia dan rakyat China dari masa ke masa!

RUJUKAN

- Aminurrashid, Harun. 1969. *Peristiwa Laksamana Cheng Ho ka-Melaka*. Singapura: Pustaka Melayu.
- Bujang, Rahmah. 1994. Puteri Li Po. Dalam *Mustika diri: bunga rampai karya penulis wanita 1930-1990*. (pnyt) Ahmad Kamal Abdulah & Siti Aisah Murad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Malaysia*. 1995. Kuala Lumpur: Anzagain.
- Fei Xin. 1436/1954. *Xing Cha Sheng Lan* (Menikmati Pemandangan Indah dengan Rakit Sakti) diberi anotasi oleh Feng Chengjun. Shanghai: Zhong Hua Shu Ju.
- Gong Zhen. 1434/1961. *Xi Yang Fan Guo Zhi* (Catatan Mengenai Negara-negara Samudera Barat) diberi anotasi oleh Xiang Da. Beijing: Zhong Hua Shu Ju.
- Groeneveldt, W.P. 1887. Note on the Malay Archipelago and Melaka. Dalam *Miscellaneous papers relating to Indo-China*. 2nd series.
- Hall, D.G.E. 1968. *History of Southeast Asia*. London: MacMillan & Co Ltd.
- Hashim, Ruzy Suliza. 1999. Gender on the agenda: the story of Hang Li Po Revisited. *Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Bandingan*, Kuala Lumpur, 24-27 Ogos.
- Kong Yuanzhi. 1993. *Sam Po Kong dan Indonesia*. Jakarta: CV Haji Mas Agung.
- _____. 1997. *Hubungan historis antara Zheng He dengan Malaysia*. Seminar Peringatan Zheng He di Kuala Lumpur 17 Ogos.
- _____. 1998. Han Li Bao Mei Li Chuan Shuo (Hang Li Po: suatu legenda Indah). *Nanyang Siang Pau*, 8 November.
- _____. 1999. Hubungan Malaysia-China, Utusan Malaysia. 22 November.
- Levathes, Louise. 1996. *When China ruled the seas: the treasure fleet of the Dragon Throne, 1405-1433*. New York: Oxford University Press.

- Liang Liji. 1996. *Lembaran sejarah gemilang: hubungan empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lim Guan Swee, *Li Shi Zhi Cheng—Ma Liu Jia* (Melaka—Kota Historis) [Terbit sendiri dan tanpa maklumat tarikh penerbitan].
- Lin Yuanhui & Zhang Yinlong. 1991. *Xin Jia Po—Ma Lai Xi Ya Hua Qiao Shi* (Sejarah Perantau China di Singapura–Malaysia). Guangzhou: Guangdong Gao Deng Jiao Yu Chu Ban She.
- Ma Huan. 1451/1955. *Ying Ya Sheng Lan* (Pemandangan Indah di Seberang Samudera) diberi anotasi oleh Feng Chengjun: Shanghai: Zhong Hua Shu Ju.
- Rockhill, W.W. 1914-1915. Notes on the relations and trade of China with the Eastern Archipelago and the Coast of the Indian Ocean during the 15th Century. *T'oung Pao*. 15 (1914) & 16 (1915).
- Purcell, Victor. 1967. *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Que Xunwu. 1984. *Jian Ming Li Shi Ci Dian (Kamus sejarah singkat)*. Kaifeng: He Nan Jiao Yu Chu Ban She.
- Sejarah Melayu*. 1982. Diusahakan oleh W.G. Shellabear. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Winstedt, Richard O. 1974. *A History of Malaya*. Diterjemahkan ke dalam bahasa Cina oleh Yao Ziliang. Beijing: Shang Wu Yin Shu Guan.
- Zhang Tingyu dkk. 1974. *Ming Shi* (Sejarah Dinasti Ming). Beijing: Zhong Hua Shu Ju.
- Zhou Nanjing. 1987. Hui Gu Zhong Guo Yu Ma Lai Xi Ya Wen Hua Jiao Liu De Li Shi (Meninjau Kembali Sejarah Pertembungan Kebudayaan antara China dengan Malaysia dan Brunei). Dalam Zhou Yiliang (ed), *Zhong Wai Wen Hua Jiao Liu Shi (Sejarah pertembungan kebudayaan antara China dengan Negara-negara asing)*. Zhengzhou: He Nan Ren Min Chu Ban She.
- Zhu Jieqin. 1990. *Dong Nan Ya Hua Qiao Shi (Sejarah perantau Cina di Asia Tenggara)*. Guangzhou: Guang Dong Gao Deng Jiao Yu Chu Ban She.

Kong Yuanzi
Foreign Language Building
Peking University
100871 Beijing
China
email: kongyz@pku.edu.cn